

## Bilik Senat UMT dijangka siap Jun ini

*stt 31/01/10 m/s T4*  
**KUALA TERENGGANU** - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bakal memiliki Bilik Senat yang lebih selesa apabila pembinaannya dijangka siap Jun ini.

Peruntukan hampir RM2 juta untuk membina bilik itu diluluskan.

Naib Canselornya, Profesor Dr Aziz Deraman berkata, kemudahan itu yang membabitkan kos RM2 juta bertujuan memperkasakan Senat UMT.

"Mulai tahun ini keahlian

Senat hanya akan dianggotai Dekan Fakulti dan Ketua Pusat sahaja," katanya.

Sementara itu, katanya, mulai tahun ini juga bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) UMT bakal mempunyai dua entiti besar iaitu Pengarah Pembangunan Pelajar dan Pengarah Penempatan Pelajar.

"Proses perlantikan jawatan itu termasuk jawatan lain dalam Hepa dijangka berakhir pada 15 Februari ini," katanya.



● AZIZ DERAMAN

Dapatkan berita terkini & berita edisi secara online  
[www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)